

Dua kali diuji ombak besar, bot pecah

Sinar Harian 10/3/2019
M/S 39

MEMANDANGKAN keadaan laut juga hanya sesuai untuk kegiatan memukat kira-kira 15 hari sebulan, golongan ini turut menabung pendapatan mereka untuk digunakan pada waktu waktu yang terdesak.

Dalam pada itu, penulis turut berpeluang menyingkap kisah salah seorang nelayan yang pernah diduga ombak besar sebanyak dua kali sehingga menyebabkan bot gentian kaca dinaikinya terbalik.

Awang Alwi, 48, mengakui bukan mudah mengemudi bot gentian kaca meredah ombak, tetapi berbekalkan tekad, semangat dan tidak pernah berputus asa sehingga menjadi kunci kejayaannya.

"Sepanjang jadi nelayan sejak remaja sudah dua kali bot yang saya naik terbalik dipukul ombak.

"Dua kejadian itu berlaku tujuh dan lima tahun lalu di perairan Batu Rakit," katanya berasal dari Pengkalan Maras.

Nelayan kena berani, tabah

Menyingkap kisah hidupnya, bapa sembilan anak itu berkata, dia dibesarkan di kawasan perkampungan nelayan yang serba kekurangan dan hanya bergantung hidup kepada sumber laut.

"Secara tidak langsung, saya turut terlibat dalam kegiatan ini sehingga

dapat mendirikan rumah tangga pada usia muda dan kini mempunyai anak-anak yang berkongsi minat yang sama," katanya.


Awang berkata, nelayan perlu bersikap berani dan tabah kerana perlu berhadapan dengan sebarang kemungkinan di lautan luas selain perlu sentiasa peka dengan perubahan cuaca.

Menurutnya, nelayan juga perlu memiliki kemahiran mencari lubuk ikan untuk melabuhkan pukat supaya dapat menghasilkan tangkapan yang lumayan bila menurunkan pukat di tengah laut.

"Hasil tangkapan kami jual kepada peraih dan hasilnya dikongsi mengikut peratusan tertentu untuk gaji pekerja, bayaran ansuran bot dan tauke yang membiaya kos bot.

"Kalau tidak ke laut pula, kami akan membaiki apa yang perlu pada bot dan pukat di jeti kerana dalam sebulan, nelayan hanya keluar pada waktu tertentu sahaja bukannya pada setiap hari," katanya.

Akhir kata, kita wajar menzahirkan



Hasil tangkapan dijual kepada peraih dan hasilnya dikongsi mengikut peratusan tertentu.

rasa bangga kepada golongan nelayan kerana mereka sanggup berkorban menyalurkan nyawa demi mencari hasil laut demi sebahagian besar rakyat negara ini.

Tanpa mereka, mungkin kita tidak berpeluang merasai enakannya ikan-ikan segar dan dalam masa sama juga kita sentiasa merungut dengan harga ikan yang mahal. Jadi cubalah jadi nelayan untuk sehari.



Kalau tak ke laut, kami akan baiki apa yang perlu pada bot dan pukat di jeti kerana dalam sebulan, nelayan hanya keluar pada waktu tertentu sahaja bukannya pada setiap hari." - Awang Alwi



CORAT CORET HIDUP NELAYAN

- Seawal subuh sudah bersedia untuk ke laut untuk mencari rezeki
- Bot nelayan pesisir pantai akan bergerak ke lokasi lubuk ikan sekitar 10 hingga 15 batu dari pantai
- Mereka akan melabuhkan pukat dan menunggu menaikkan hasil tangkapan
- Ada masanya hasil laut yang diperolehi lumayan, kadang kala kurang dan ada masanya terlalu sedikit
- Terik matahari, dilambung ombak dan peluh adalah rutin harian yang mereka hadapi
- Adakalanya nelayan diuji dengan ombak besar, bot pecah dan hanyut di laut
- Kos untuk sebuah tong diesel/petrol sekitar RM20. Selepas tolak kos operasi, kadang-kadang nelayan hanya memperolehi sekitar RM20 hingga RM30 selepas bekerja seharian di laut.
- Setelah seharian dilambung ombak, nelayan ini akan balik ke jeti ketika senja menjelma bersama hasil tangkapan
- Ramai pelanggan membeli terus daripada nelayan di kerana faktor harga dan kesegaran
- Mereka boleh beli 1kg ikan kembung dengan harga RM5 hingga RM8
- Hasil tangkapan juga dijual kepada peraih